

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8222

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional mengharamkan perhimpunan Kita Lawan dan Bersih 4 tetapi membenarkan Himpunan Baju Merah memandangkan semua perhimpunan adalah protes jalanan. Mengapa ada "double standard".

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan tidak pernah menghalang sebarang perhimpunan yang diadakan oleh mana-mana pihak selagi perhimpunan tersebut memenuhi keperluan yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan perhimpunan tersebut tidak menjejaskan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau kententeraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi kehendak Akta Perhimpunan Aman 2012.

Di samping itu, pihak polis tidak membenarkan Perhimpunan BERSIH 4 diadakan atas sebab tidak mematuhi dan memenuhi keperluan Akta berkenaan kerana pihak penganjur enggan memindahkan tempat berhimpun dan bertegas untuk mengadakannya di lokasi yang tidak dibenarkan serta lokasi tersebut tidak mendapat persetujuan daripada pemilik premis atau tempat berkenaan. Perhimpunan tersebut juga dianjurkan oleh pihak BERSIH 2.0 iaitu sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar di bawah Seksyen 6 Akta Pertubuhan 1966. Sehubungan itu, perhimpunan itu adalah berlawanan dengan undang-undang yang sedia ada.